

MPC(PCD)100-12/4/7

15 Oktober 2020

Assoc Prof Dr Afiza Mohamad Ali
30 Jalan Daun Inai 18
Sunway SPK Damansara
52200 Kuala Lumpur

YBrs. Dr Afiza,

**LANTIKAN SEBAGAI TENAGA PAKAR PROJEK KEBERKESANAN INSENTIF DI
PERINGKAT SEKTORAL - PELANCONGAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bersetuju untuk melantik Ybrs Dr. Afiza sebagai tenaga pakar bagi projek yang dinyatakan diatas dan termasuk menyediakan laporan *case study* dan amalan terbaik.
3. Jumlah keseluruhan bayaran adalah sebanyak RM18,900 (Ringgit Malaysia: Lapan Belas Ribu Sembilan Ratus Sahaja) seperti yang dinyatakan dalam Terma Rujukan (Lampiran 1).
4. Sekiranya Brs. Dr bersetuju dengan lantikan ini, sila isi dan kembalikan Surat Setuju Terima (Lampiran 2) kepada Azlin Mohd Alias (azlin@mpc.gov.my) bagi pengesahan penerimaan pelantikan.

5. Pihak MPC mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama dari pihak YBrs. Dr. Semoga dengan pelantikan ini, dapat membantu menjayakan pelaksanaan projek Keberkesanan Insentif Di Peringkat Sektor - Pelancongan seperti yang diharapkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(Zulaifah Omar)

Pengarah PCD

b.p. Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)



**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
TERMA RUJUKAN**

**TENAGA PAKAR BAGI PROJEK
KEBERKESANAN INSENTIF DI PERINGKAT SEKTORAL - PELANCONGAN**

TERMA RUJUKAN

A. LATAR BELAKANG

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) merupakan badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang merupakan Delivery Management Office (DMO) di dalam Struktur Tadbir Urus Produktiviti Blueprint di Malaysia (MPB). Menurut MPB, lima teras strategik dikenalpasti untuk menangani cabaran utama bagi meningkatkan produktiviti negara. Salah satu inisiatif adalah di bawah Teras 3: Memastikan akauntabiliti industri terhadap produktiviti. Di dalam teras ini, ia bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap subsidi yang tidak kritikal, mengaitkan bantuan kewangan dan usaha liberalisasi dengan penghasilan produktiviti dan mengukuhkan kedudukan industri ke arah segmen nilai tambah yang tinggi dalam rantai nilai. Dua inisiatif di bawah teras tersebut ialah:-

- Mengurangkan kebergantungan kepada subsidi yang tidak kritikal secara berperingkat, dan memastikan usaha liberal dikaitkan dengan outcome produktiviti
- Menyemak semula geran utama, insentif, pinjaman mudah dan mekanisme pembiayaan lain kepada metrik dan outcome produktiviti.

Bagi tujuan tersebut, Unit Smart Incentives (SI) telah diwujudkan pada Jan 2020. Suku pertama dan kedua tahun 2020 lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti pengukuhan struktur Unit SI dan mengenalpasti individu-individu yang berkelayakan sebagai penyelidik untuk turut sama melaksanakan projek-projek SI oleh MPC.

B. OBJEKTIF PROJEK

- Untuk mengenal pasti kesan insentif *Inbound Tourism Bootcamp* (ITB) terhadap pertumbuhan produktiviti industri pelancongan.
- Untuk mengenalpasti ruang penambahbaikan bagi insentif ITB.
- Mengenalpasti amalan terbaik daripada program ITB.

C. SKOP KERJA

Skop bagi projek Keberkesanan Insentif Di Peringkat Sektor - Pelancongan adalah seperti berikut:

- Menganalisa keadaan semasa permasalahan kes dalam perimeter yang telah ditetapkan;
- Mengenalpasti jurang, isu dan cabaran kes secara terperinci;
- Memberi cadangan penambahbaikan dan penyelesaian yang bersesuaian;
- Menyediakan laporan *case study* hasil daripada dapatan maklumat yang diperolehi; dan
- Mengenalpasti dan menyediakan laporan amalan terbaik.

D. JANGKAAN DAPATAN KAJIAN/ PROJEK

Dapatan laporan akan digunakan sebagai input dalam merangka insentif yang lebih berkesan dan amalan terbaik yang dapat dikongsikan bersama pihak berkepentingan.

E. TEMPOH KAJIAN/ PROJEK

- Jangka masa maksima kajian adalah dalam tempoh 2 bulan.
- Bagi memastikan maklumat yang diperolehi dalam pelaksanaan kajian seiring dengan matlamat MPC, dapatan kajian kes dan amalan terbaik perlu dikemukakan mengikut peringkat pelaksanaan kajian seperti berikut:
 - i. Kertas Cadangan: dikemukakan dan/atau dibentangkan kepada MPC seminggu selepas surat pelawaan dikeluarkan;
 - ii. Draf Laporan Akhir: dikemukakan dan/atau dibentangkan kepada MPC setelah pengumpulan maklumat selesai dijalankan; dan
 - iii. Laporan Akhir: dikemukakan dan/atau dibentangkan kepada pihak pengurusan MPC selepas laporan dikemaskini.
- Walau bagaimanapun, dalam kes-kes yang tertentu, pihak MPC berhak untuk memohon kerjasama penyelidik membuat pembentangan pada bila-bila masa yang diperlukan.

F. KOS PROJEK

Jumlah keseluruhan bayaran perkhidmatan sebagai Tenaga Pakar adalah pada kadar RM18,900 (Ringgit Malaysia: Lapan Belas Ribu Sembilan Ratus Sahaja), seperti berikut:

Tugasan	Jumlah (RM)
1. Tenaga pakar (9 hari x RM2,000) a. Menyediakan dokumen yang berkaitan dengan projek seperti kertas cadangan, kertas pembentangan dll. b. Menyediakan laporan analisa hasil daripada tinjaun ringkas (<i>quick survey</i>) daripada wakil-wakil industri c. Merangka, mengedit dan menyediakan laporan Kajian Kes	18,000.00
2. Penyediaan laporan amalan terbaik (9 m/s x RM100) a. Menjalankan temuramah bersama wakil industri yang telah dikenalpasti b. Menyediakan laporan amalan terbaik	900.00
JUMLAH KESELURUHAN	18,900.00

G. PENYALURAN BAYARAN PROJEK

1. Pembayaran fasa pertama dibuat selepas kertas cadangan dan laporan analisa kajian kes diserahkan kepada MPC;
2. Pembayaran fasa kedua dibuat selepas laporan amalan terbaik diserahkan kepada MPC

H. PENYERAHAN

Selepas draf laporan dibentangkan kepada MPC dan dimurnikan, perkara-perkara seperti berikut hendaklah dihantar selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh pembentangan:

- Dua (2) naskah Laporan Akhir Kajian Kes (*Case Study*) yang lengkap dan komprehensif dalam Bahasa Inggeris. Laporan Akhir Kajian Kes (*Case Study*) juga perlu mengandungi Abstrak dan Rumusan Eksekutif.
- Laporan Akhir Kajian Kes (*Case Study*) dalam bentuk softcopy dan dalam bentuk MS Word; dan
- Abstrak kajian kes (*Case Study*) dalam bentuk softcopy dan dalam bentuk MS Word.

H. HAK MILIK MPC KE ATAS LAPORAN KAJIAN, REKOD-REKOD DAN DOKUMEN YANG BERKAITAN

- 1 Semua laporan dan data yang berkaitan seperti peta, rajah, lukisan, statistik dan rekod atau bahan yang dikumpulkan atau disediakan dalam tempoh kajian ini adalah sulit dan hendaklah menjadi harta milik MPC sepanjang masa penyediaan kajian dan selepas kajian dilaksanakan.
- 2 Pihak penyelidik tidak boleh bertindak atau melakukan sebarang penyebaran hasil kajian ini tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada MPC.

I. TINDAKAN TATATERTIB

1. MPC berhak mengambil tindakan tatatertib yang bersesuaian ke atas Penyelidik yang telah melanggar syarat- syarat sebagaimana yang termaktub dalam Garis Panduan ini.
2. Sekiranya Penyelidik tidak dapat menamatkan kajian sebagaimana yang telah diamanahkan / dijanjikan, MPC berhak mengambil tindakan tatatertib yang bersesuaian seperti berikut:
 - a. Dana penyelidikan untuk kajian berkaitan akan diberhentikan dan perkara ini akan dimaklumkan kepada Ketua Pengarah Syarikat berkenaan. Baki dana yang telah disalurkan dan yang masih belum habis digunakan akan digunapakai untuk projek/kajian lain yang akan dikenal pasti kemudian; dan /atau
 - b. Surat Tunjuk Sebab akan dihantar kepada Penyelidik yang berkaitan; dan/

atau

- c. Penyelidik berkaitan akan di senarai hitam daripada projek-projek MPC untuk tempoh selama 3 tahun.

J. NOTIS KELEWATAN OLEH PIHAK PENYELIDIK

Di dalam keadaan tertentu di mana para penyelidik menghadapi kelewatan dalam melaksanakan kajian, pihak Penyelidik hendaklah dengan segera memaklumkan MPC berkaitan perkara ini secara bertulis dan memohon pelanjutan tempoh yang sesuai bagi menyempurnakan laporan kajian ini. Kelewatan dan pelanjutan tempoh kajian hanya diterima atas persetujuan MPC.

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)



SURAT SETUJU TERIMA

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan,
46200 Petaling Jaya, Selangor.
(U.P. Azlin Mohd Alias)
Tel : 017-6017031
Emel : azlin@mpc.gov.my

LANTIKAN SEBAGAI PAKAR BAGI PROJEK KEBERKESANAN INSENTIF DI PERINGKAT SEKTORAL - PELANCONGAN

Dengan ini, saya ___Afiza bt Mohamad Ali_____ bersetuju/~~tidak bersetuju~~ untuk menerima tawaran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sebagai Pakar bagi Projek Keberkesanan Insentif Di Peringkat Sektoral - Pelancongan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran dan terma rujukan yang disertakan.

Tandatangan

:

Nama

: Afiza bt Mohamad Ali

Tarikh

: 16 October 2020

Butiran maklumat diperlukan:

Nama Syarikat

: International Islamic University Malaysia

No. Pendaftaran Syarikat

: 101067-P

Nama Bank/No Akaun

: 1407-000000971-8
